

04 OCT 1998

Ghani-Video

PENJELASAN PM MENGENAI ISU MORAL TPM DIEDARKAN KESELURUH BAHAGIAN UMNO

BATU PAHAT, 4 Okt (Bernama) -- Kerajaan Negeri Johor hari ini mengedarkan pita video dan kaset mengenai penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu moral bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kesemua 20 bahagian Umno di negeri ini akan memperolehi kira-kira 50 pita berkenaan untuk dipertontonkan kepada anggotanya di cawangan masing-masing.

Antara lain pita itu menyentuh sebab musabab mengapa Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar dari jawatan kerajaan dan parti, katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Buletin Agenda" keluaran Biro Penerangan Umno Johor di sebuah kompleks membeli-belah, di sini.

Abdul Ghani, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, berkata pihaknya menyerahkan kepada kebijaksanaan Umno Bahagian untuk memastikan penjelasan Dr Mahathir itu sampai kepada pengetahuan anggota parti di peringkat bawahan.

Mengenai soal calon Timbalan Perdana Menteri, beliau berkata Umno Johor menyerahkan perkara itu kepada pucuk pimpinan parti.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdul Ghani berkata pelancaran "Buletin Agenda" itu, antara lain bertujuan untuk memberi penjelasan kepada rakyat berhubung pelbagai isu semasa.

Katanya buletin keluaran tiga bulan sekali itu perlu untuk rakyat yang terlalu banyak mendapat maklumat dari pelbagai sumber termasuk menerusi Internet.

"Satu ancaman rakyat Malaysia hari ini ialah berita dan dakwah palsu yang disebarkan oleh setengah media antarabangsa dan puak yang mempunyai berkepentingan di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

BH NAK